

Asal usul nama negeri/tempat

👤 butterland · 🕒 Jan 27, 2009



1 of 3

Next ▶



Jan 27, 2009

🔗 #1



butterland

Legendary Member

Pahang

Pada zaman dahulu Negeri Pahang Darul Makmur mempunyai berbagai nama. Pengarang China menyebutnya sebagai Pang-Hang, Peng-Heng, Pang-Heng, Pong -Fong, Phe-Hang, Pang-Kang dan lain-lain. Pada tahun 1225 Chao Ju-Kua telah mengarang sebuah buku bernama Chu-Fan-Chi, beliau menyatakan di antara beberapa buah negeri yang ditakluki di bawah kuasa San-fo-chi ialah negeri yang bernama Peng-keng. Peng-keng itu ialah Negeri Pahang Darul Makmur. Orang Arab dan orang Eropah zaman dahulu menyebut Pam, Pan, Phang, Paam, Pao, Paon, Phaam, Paham, Fanhan, Phang dan Pahagh. G.R. Tibbetts, seorang ahli sejarah yang mengulas kisah yang ditulis dengan huruf Arab dalam buku karangan Mas'udi itu pada pendapat Tibbetts ialah Pahang. Dia lebih setuju menyebut perkataan Fanjab itu sebagai Fanhan, Panghang atau Panhang. Semuanya itu dimaksudkan Pahang. Ada setengah pendapat menyatakan Pahang berasal dari bahasa Siam asli ertinya timah. Orang Siam asli yang dulunya mendiami negeri ini dengan membuka lombong bijih timah terutama di Sungai Tembeling.

Mengikut cerita orang tua-tua Melayu pula, pada zaman dahulu di Sungai Pahang iaitu bertentangan dengan Kampung Kembahang, ada sebatang pokok kayu Mahang yang besar rebah melintang menyeberangi sungai itu. Dari Pokok Mahang itu kononnya berasal nama Negeri Pahang Darul Makmur itu. Gelaran tua bagi Negeri Pahang Darul Makmur itu ialah Inderapura, disebut Pahang Inderapura. Bandar Dirajanya terkenal hingga sekarang dan ibu negeri pada zaman dahulu iaitu Pekan. Sebelum ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka ia dikenali sebagai Pura.

sumber : <http://www.jomlayan.com/mybb/asal-usul-nama-tempat-di-malaysia-t-10116-5.html>

Log in

Register

p/s kalau ada cerita asal usul negeri lain..bleh la letak kat sini.....

Sponsored Post

Last edited: Jan 27, 2009



Promosi Ulang Tahun Ke-10 **XM** 10th ANNIVERSARY **Sertai sekarang**

*T&S Tpkai. Dagangan Forex dan CFD adalah berisiko tinggi dan boleh menyebabkan kerugian pada semua modal yang anda laburkan.

Jan 27, 2009

#2



butterland

Legendary Member

Kuantan

Melalui catatan sejarah, Kuantan telah wujud semenjak awal tahun 1850-an. Kewujudan Kuantan pada kurun ke 19 adalah bermula sebagai sebuah penempatan. Kewujudan Kuantan ini telah disentuh oleh Abdullah Munsyi pada tahun 1851/52 seperti berikut:



Gold



Pulau Kapas pun ada, dan di Pulau Kedang pun ada, maka telah didapati dua buah perahu orang Kuantan dan dua buah lepas lari....." (1)

Pada peringkat awalnya Kuantan lebih dikenali dengan nama Kampung Teruntum. Penempatannya adalah di sekitar muara Sungai Kuantan iaitu berhadapan dengan bangunan hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) sekarang . Ia telah dibuka oleh Haji Senik (2) dan pengikut-pengikutnya dalam tahun 1850an.Nama Teruntum ini dikatakan berasal dari pokok Teruntum yang banyak terdapat di pinggir Sungai Kuantan pada ketika itu.

Semasa tinggal di sini mereka mengusahakan kawasan paya yang terletak di tapak hospital sekarang disamping menangkap ikan dan berniaga secara kecil-kecilan. Bukti bahawa kawasan tersebut telah dijadikan penempatan ialah Perkuburan Cik Timah (3) berhampiran Taman Esplanade (Benteng) sekarang. Tapak Perkuburan Cik Timah.

Selain dari itu dikesahkan juga bahawa terdapat sebuah perkampungan di hulu Kampung Teruntum yang dibuka pada tahun 1854 oleh orang Melayu dari daerah Sumatera. Mereka diketuai oleh Encik Besar (4). Tempat ini kemudiannya dikenali dengan nama Kampung Orang Kuantan dan lama kelamaan panggilan ini di pendekkan kepada perkataan "Kuantan" dan kekal sehingga ke hari ini.

Jan 27, 2009

#3



butterland

Log in

Register

Asal-usul nama beberapa tempat di Kuantan, diperolehi melalui cerita-cerita lisan orang-orang tua.

TELUK SISEK

Kawasan ini asalnya adalah sebuah teluk. Berhampiran dengannya terdapat sebuah bukit yang menganjur ke teluk. Di kawasan kaki bukit inilah selalunya "penyu-penyu sisek" mendarat untuk bertelur. Zaman beredar dan melalui proses pembentukan muka-bumi, teluk kini bertukar menjadi paya. Kawasan ini kemudiannya diteroka dan dibangunkan. Namanya diilhamkan dari peristiwa yang dikaitkan dengan "teluk" dan "sisek". Sehingga kini masih terdapat kulit-kulit siput lama di sekitar tasik di belakang kediaman YAB Menteri Besar sebagai bukti bahawa tempat ini dahulunya adalah sebuah teluk.

KAMPUNG JAWA

Semasa Estet Batu Talam dibuka untuk tanaman getah, ramai orang-orang Jawa telah bekerja sebagai penoreh getah. Mereka telah membuat penempatan berhampiran Kampung Tengah. Hasilnya kawasan ini akhirnya dikenali sebagai Kampung Jawa.

BUKIT SETONGKOL

Kedudukan bukit ini agak ganjil kerana ianya hanya setongkol sahaja jika dibandingkan dengan bukit-bukit yang lain di persekitarannya. Bersesuaian dengan keadaan fizikalnya ini, kawasan ini dinamakan Bukit Setongkol.

BUKIT UBI

Sebelum dijadikan kawasan pecah batu, bukit ini telah dijadikan kawasan penanaman ubi kayu oleh penduduk-penduduk tempatan. Makan kekallah namanya Bukit Ubi.

PADANG LALANG

Kawasan ini dahulunya adalah sebuah padang yang dipenuhi dengan lalang.

TANJUNG LUMPUR

Tanjung yang menghalu ke laut ini telah diliputi oleh mandapan lumpur yang banyak. Sejak dari itu, tanjung ini dikenali sebagai Tanjung Lumpur.

GAMBANG

Di sini, suatu ketika dahulu terkenal dengan permainan gambang (cak lempung) di kalangan masyarakatnya. Oleh yang demikian tempat ini terus dinamakan Gambang.

ALUR AKAR

Di kawasan ini dahulunya beralur dan ditumbuhi pula dengan pokok-pokok hutan tua berakar besar dan berlingkar-lingkar. Keunikan keadaan kawasan ini langsung membawa kepada namanya sekarang.

PERAMU

Tukang-tukang rumah bertumpu ke tempat ini untuk mencari bahan-bahan membuat rumah yang terdiri daripada kayu-kayu hutan. Istilah mencari bahan-bahan ini dikenali sebagai "meramu" dan akhirnya menjadi Peramu hingga sekarang.

BESERAH

Setelah kematian anaknya iaitu Cik Timah, Haji Senik (penduduk asal Kuantan) telah membuat

[Log in](#)

[Register](#)

baru, kawasan ini pula diserang sejenis penyakit yang dikenali sebagai "hawar". Semua penduduk di kawasan ini bercadang untuk berpindah ke tempat lain tetapi Hj. Senik meminta mereka bersabar dan berserah kepada Allah SWT. Kerana sikap mesyarakatnya sentiasa bertaqwa dan berserah kepada Allah SWT, maka tempat ini dipanggil "Beserah" sehingga sekarang.

Jan 27, 2009

#4



zkry


Super Active Member

Platinum Member

Best-best, thanks.... Asal nama tempat aku aderr... Kuala Rompin...

Jan 27, 2009

#5



snowhazel_orange

Legendary Member

menarik2 sgt paid

Jan 27, 2009

#6



butterland

Legendary Member

Perak

Pada zaman dahulu Perak terbahagi kepada tiga daerah iaitu Beruas, Manjung dan Janin (Hulu Perak). Dikatakan ketiga-tiga ketua daerah ini telah bermesyuarat untuk menyatukan daerah-daerah mereka menjadi satu negeri dengan memakai nama yang khusus. Mereka bersetuju untuk menamakan ketiga-tiga daerah ini sebagai Perak mengambil sempena nama Bendahara Tun Perak. Ini adalah cerita versi Almarhum Sultan Idris.

Hikayat Merong Mahawangsa pula mengatakan nama negeri Perak ada kaitannya dengan cerita putera

[Log in](#)

[Register](#)

buah pulau. Putera tersebut berkata.. " Tempat ini elok dijadikan sebuah negeri...", Lalu baginda memanah ke udara menggunakan sebilah anak panah yang diperbuat daripada 'perak' dan busarnya dinamakan 'Indera Sakti'. Apabila anak panah tersebut jatuh terjunam keatas sebuah daripada pulau-pulau yang berkenaan maka dinamakanlah tempat itu sebagai Pulau Indera Sakti dan negerinya dinamakan Negeri Perak.

KUALA KANGSAR

Negeri Perak lahir dari aliran air yang menebing di Sungai Perak daripada puncaknya di Ulu Belum hinggalah ke muaranya di Selat Melaka. Dari zaman awal lagi orang dulu2 telah tertarik dengan keistimewaan sungai ini lalu memudiknya sambil mencari tebing yang baik untuk mendarat. Mereka adalah peneroka yang datang membuka tempat baru dan berinteraksi dengan pribumi hingga menjadi orang Perak seperti yang ada sekarang. Mereka memudik dengan sampan hingga sampai ke suatu anak sungai di tebing kiri Sungai Perak. Dalam kiraan mereka kuala sungai ini adalah bersempena, lebih-lebih lagi tebingnya rendah, tanahnya subur dan permandangannya sungguh indah. Kebetulan mengikut kiraan mereka kuala sungai ini ialah yang ke seratus kurang satu, atau 'Kuala Kurang Sa'. Kononnya itulah nama asalnya, "Kuala Kurang Sa" dan kemudiannya disebut "Kuala Kangsar" sahaja. Namun begitu terdapat versi mengatakan mengambil sempena nama pokok kangsar yang banyak tumbuh di tebing-tebing sungai.

Pada zaman dulu, Kuala Kangsar adalah satu lokasi yang sangat baik, bukan sahaja sesuai sebagai tempat mendarat, tetapi memang baik untuk penempatan, untuk bercucuk tanam, untuk pusat perniagaan. Di daratnya seseorang boleh meneruskan perjalanan menyusur sungai hingga ternampak Gunung Pondok di Padang Rengas, iaitu satu mercu tanda yang memandu orang dalam perjalanan ke Larut ataupun dari Larut.

Berdasarkan keistimewaan ini kita membuat kesimpulan bahawa Kuala Kangsar dan kawasan di sekelilingnya adalah tempat tua, sudah berabad-abad lamanya didiami orang. Pokok getah yang pertama ditanam di Malaysia yang kini berusia lebih 100 tahun masih hidup subur di perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar. Saiznya tiga atau empat pemeluk.

Pasir Salak - (tempat lahirnya semangat nasionalisme Melayu)

Nama Pasir Salak berasal dari pasir di tepi sungai Perak yang dipenuhi kulit buah salak. Salak ialah sejenis buah , kulitnya berwarna coklat, isi agak putih dan pokoknya seperti pokok nipah.

Sungai merupakan nadi kehidupan masyarakat di tepi sungai sebagaimana penduduk Pasir Salak. Di sungai inilah penduduk kampung menyara hidup dengan menjadi nelayan sungai, bot penambang, menghanyutkan buluh dan balak , mengangkut buah durian dan lain-lain buah-buahan ke Teluk Intan.

Sungai Perak yang jernih jauh dari pencemaran air lombong bijih timah yang amat-amat keruh . Maka banyaklah pokok salak tumbuh liar dan sesetengahnya ditanam.

Last edited: Jan 29, 2009

Log in

Register



Kedah

Unsur-unsur Arab dan Parsi banyak memperkatakan mengenai Kedah yang disebut sebagai "Kilah" atau "Kalah" atau "Qalha". "Qalha" dikatakan mempunyai empat buah daerah iaitu Kuala Qilah (Kuala Sungai Merbok sekarang), Kuala Bahang (Kuala Kedah), Kuala Merpah di Pulau Panjang dekat Setoi dan Kuala Bara.

Terdapat juga rujukan mengenai Kedah dalam tulisan Sanskrit yang menyebut Kedah sebagai "Kataha" atau "Kadar" dan tulisan Tamil menyebut Kedah sebagai "kadaram" atau "Kalagam".

Mengikut seorang sejarawan, nama Kedah berasal daripada perkataan "Kheddah" yang bermaksud perangkap gajah. Ada juga yang berpendapat bahawa nama Kedah berasal daripada perkataan Arab, "Kedah" yang bermakna gelas berkaki.

Dari unsur China iaitu emas Dinasti Liang, Kedah disebut sebagai "Langgasu" atau "Langa" atau "Langkasuka". Seorang penulis lain menyatakan Kedah pernah disebut sebagai " Gedda" yang dikaitkan dengan perkataan Hindustan "Khadar yang bermaksud tanah yang sesuai untuk tanaman padi. Lagi satu nama untuk Kedah ialah "Kala" dalam bahasa Parsi yang bermakna kota.

BALING

Nama Baling dipercayai berasal dari Hikayat Raja Bersiong. Bila Raja Bersiong bersemayam di sebuah tempat bernama Merbau. Di situ, Raja Bersiong telah mencabut gigi siongnya dengan cara memulas dengan tangannya. Dengan sebab itu tempat tinggal Raja ini dinamakan Merbau Pulas. Bila Raja Bersiong dapat mencabut siongnya, beliau telah membuang sekuathati siongnya dan dikatakan tempat jatuh gigi siong tersebut dinamakan BALING. Dan di Baling sendiri ada nama tempat dinamakan dengan Siong. Ini versi pertama.

Versi Kedua:

Kampung ini diduduki oleh rakyat keturunan SIAM dan masih wujud hingga ke hari ini.. Di kampung ini terdapat banyak kera. Disebabkan kampung tersebut tiada nama. Ia dipanggil dengan Ban Ling yang bermaksud Kg. Kera.

Bila disebut sekian lama, nama Ban Ling menjadi Baling mengikut lidah melayunya. (kalau Siam still sebut Ban Ling)

Last edited: Jan 29, 2009

Jan 27, 2009

 #8



nama asal temerloh ialah kuala semantan

Temerloh, seperti juga kawasan-kawasan lain di negeri Pahang , mendapat namanya melalui satu peristiwa yang berlaku di Kuala Semantan .Menurut Haji Zakaria Hitam (beliau mendapat cerita ini daripada orang-orang tempatan) nama Temerloh itu berpunca daripada perkataan 'mereloh' iaitu dalam loghat temerloh..mereloh tu tidor.

Ini berdasarkan pada satu peristiwa yang berlaku di sebuah anak sungai di kiri hilir Sungai Pahang bertentangan dengan Pulau Temerloh. Pada suatu hari ada seorang Minangkabau mendarat di kuala anak sungai itu .Semasa beliau berada di kampung tersebut , beliau melihat seorang sakai yang asyik mereloh (tidur) sepanjang hari tanpa mempedulikan hal-hal lain . Dari peristiwa itulah terbitnya perkataan temerloh yang kemudiannya diambil untuk menamakan kawasan yang baru dibuka itu . Pendapat yang mengatakan nama Temerloh itu datangnya dari perkataan mengeloh juga dipersetujui oleh beberapa tokoh tempatan lainnya seperti Ishak Haji Muhammad dan Haji Omar 5 walaupun peristiwa-peristiwa yang mereka ketahui agak berlainan sedikit

Jan 27, 2009

#9



butterland

Legendary Member

[zkry_said:](#) ↗

Best-best, thanks.... Asal nama tempat aku aderr... Kuala Rompin...

kuala rompin tak jumpa la bro..tp nk mengubat hati bro aku jumpa ni je...

Rompin - berasal dari nama pokok Ru.Pokok ru ni ramping sangan batang die so orang pun panggil ru ramping,lama2 jadi Rompin.

Jan 27, 2009

#10



greemall

Legendary Member

Menarik.

Teruskn berposting sebegini.

Log in

Register

You must log in or register to reply here.

Sponsored Post



Promosi Ulang Tahun Ke-10 **XM** 10th ANNIVERSARY
Sertai sekarang
*T&S T'pkai. Dagangan Forex dan CFD adalah berisiko tinggi dan boleh menyebabkan kerugian pada semua modal yang anda laburkan.

Share:        

Similar threads



[Anglo-Siamese Treaty 1909 : Hilangnya Tujuh \(7\) Negeri Melayu di Semenanjung](#)

TXT

Replies: 16 · May 2, 2020



[Gambar Raja-raja di Negeri-negeri Kecil Patani dan Setul](#)

TXT

Replies: 10 · Apr 19, 2020



[Suburkan dan Gunakan Kembali Nama semenanjung 'Tanah Melayu'](#)

TXT

Replies: 3 · Apr 17, 2020



['Treadmill' asalnya alat seksa banduan, kini jadi peralatan sukan](#)

Jering

Replies: 0 · Dec 25, 2019



[Asal-Usul Petua Halau Kucing Dengan Botol Air Merah](#)

Xploit Machine

Replies: 10 · Oct 13, 2019

LATEST THREADS GENERAL CHAT



[Padah wanita berbogel dalam panggilan video](#)

Started by akudotcom · 9 minutes ago · Replies: 0

Official News, Current Issues



Info [Legenda LGE masuk penjara](#)

Started by Megat Al Fateh · Today at 7:04 AM · Replies: 0

Santai, Others



[Kemalangan Bukan Sebab Orang Curah Minyak Di Jalanraya](#)

Started by Xploit Machine · Yesterday at 11:17 PM · Replies: 1

[Log in](#)

[Register](#)



Hilang Seminggu, Jumpa Hanya Tinggal Rangka

Started by Xploit Machine · Yesterday at 11:04 PM · Replies: 0
Official News, Current Issues



4,213 OKP Di Kesan Di Perak

Started by Xploit Machine · Yesterday at 10:41 PM · Replies: 0
Official News, Current Issues

< [Historical, Myth, Legend](#)



Gold

Welcome to the one of the largest online investment & business portal in South-East Asia. You currently view about 1/3 of our forum sections. In order to enter all sections without restrictions, you may have to register to get full view and more functions available.

Forum statistics

Threads:	614,797
Messages:	24,704,507
Members:	174,878
Latest member:	goldtrade.biz

What's new

▷ [New posts](#)

▷ [Latest activity](#)

Connect with us



Copyright ©2005 - 2020, [CariGold.com](#)

Disclaimer: All posts published herein are merely based on individual views, and they do not expressly or by implications represent those of CariGold.com or its owner. It is hereby made clear that CariGold.com does not endorse, support, adopt or vouch any views, programs and/or business opportunities posted herein. CariGold.com also does not give and/or offer any investment advice to any members and/or readers. All members and readers are advised to independently consult their own consultants, lawyers and/or families before making any investment and/or business decisions. This forum is merely a place for general discussions. It is hereby agreed by all members and/or readers that CariGold.com is in no way

[Log in](#)

[Register](#)

[Log in](#)

[Register](#)